

Tiada kaitan pencemaran, pembangunan

TANGKAK- Kerajaan Johor belum bercadang menghentikan sebarang projek pembangunan di sekitar perairan itu berikutan kematian ratusan ikan mati di Pantai Lido kelmarin.

Menteri Besar Johor, Datuk Dr Sahrudin Jamal berkata, siasatan awal mendapati kematian ikan tiada kaitan dengan pencemaran atau projek pembangunan di sekitar bandar raya itu.

Menurut beliau, projek berkenaan masih diteruskan tetapi kerajaan negeri masih menunggu laporan lengkap daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Perikanan bagi mengenal pasti punca kejadian.

"Ini adalah kejadian kedua dan saya menunggu laporan agensi itu. Tempoh masa tidak ditetapkan tapi saya harap secepat yang mungkin," katanya ketika ditemui selepas perasmian program Jalinan Ukhwah Johor Corporation di Bukit Kepong, semalam.

Dr Sahrudin bagaimanapun tidak menolak cadangan untuk menambah baik beberapa prosedur penambakan atau projek di sekitar perairan itu jika perlu.

"Antara punca yang dikenalpasti ialah perubahan kandungan oksigen terlarut sehingga di bawah 1.2ppm dan

mengakibatkan kematian ikan tersebut.

"Bagaimanapun kita akan minta JAS dan Jabatan Perikanan melihat mungkin ada prosedur yang perlu ditambah baik," katanya.

Terdahulu, penduduk Johor Bahru dikejutkan dengan lambakan bangkai ikan di Pantai Lido pada 28 Ogos lalu dan kejadian sama berulang kelmarin.

**ISU RATUSAN
IKAN MATI
DI PANTAI LIDO**



Dr Sahrudin menanam pokok sebagai simbolik perasmian program Jalinan Ukhwah Johor Corporation di Bukit Kepong, Kundang Ulu Tangkak.